

## Pembinaan *Rapport* Berasaskan Tazkiyah al-Nafs oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia

*(Rapport-Building Based on Tazkiyah al-Nafs among Muslim School Counsellors in Malaysia)*

Mohd Khir Johari Abas<sup>1</sup>, Md Noor Saper<sup>2\*</sup>, Nurul 'Ain Mohd Daud<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: khrjohari@yahoo.com

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: md.noor @fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: nurul.ain @fpm.upsi.edu.my

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Md Noor Saper  
(md.noor @fpm.upsi.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Kaunseling Islam  
Tazkiyah al-nafs  
Sesi kaunseling

#### KEYWORDS:

Islamic counselling  
Tazkiyah al-nafs  
Counselling session

#### CITATION:

Mohd Khir Johari Abas, Md Noor Saper, & Nurul 'Ain Mohd Daud. (2025). Pembinaan *Rapport* Berasaskan Tazkiyah al-Nafs oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(6), e003426. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i6.3426>

Dominasi pendekatan kaunseling Barat yang berorientasikan nilai sekular dan individualistik sering kali tidak selari dengan kerangka kepercayaan serta realiti budaya klien Muslim di Malaysia, khususnya dalam fasa permulaan sesi. Kajian ini bertujuan meneroka amalan permulaan sesi kaunseling berasaskan pendekatan Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), dengan memfokuskan kepada bagaimana elemen seperti niat, doa, zikir, bacaan surah al-Fātihah dan pendidikan adab diterapkan sebagai asas pembinaan hubungan terapeutik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes pelbagai, melibatkan 19 orang GBK berdaftar yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis secara tematik menggunakan NVivo 12. Hasil analisis mengenal pasti tiga tema utama: (1) penetapan niat dan matlamat berpaksikan reda Ilahi, (2) pembukaan rohani menerusi amalan zikir dan doa, dan (3) pengajaran adab sebagai struktur interaksi awal. Ketiga-tiga tema mencerminkan integrasi elemen psikospiritual dan etika Islami yang menyusun semula makna rapport dalam konteks kaunseling Islam. Kajian ini membina satu kerangka konseptual berpaksikan teori tazkiyah al-nafs al-Ghazālī, dengan menekankan bahawa fasa permulaan merupakan medan penyucian niat, penyatuan hati, dan penciptaan ruang sakral antara kaunselor dan klien. Kajian ini menyumbang kebaharuan dengan memperincikan struktur amalan permulaan sesi secara sahih dan kontekstual dalam pendidikan menengah Malaysia, sekaligus mencadangkan penggubalan modul

latihan profesional GBK berasaskan epistemologi Islam. Implikasinya melangkaui adaptasi teknik, ke arah pembinaan sistem bimbingan yang mengakar pada nilai tauhid dan keberkatan hubungan insan-Ilahi dalam proses penyembuhan psikospiritual.

### ABSTRACT

The dominance of Western secular counselling paradigms, grounded in individualistic and value-neutral assumptions, often conflicts with the lived reality and spiritual framework of Muslim clients, particularly in the Malaysian context. This study aims to explore the implementation of Islamic-based rapport-building strategies at the initial stage of counselling sessions conducted by Muslim school counsellors (GBK) in Malaysia. Specifically, it investigates how elements such as intention-setting (*niyyah*), supplication (*du‘ā’*), remembrance (*dhikr*), Qur’anic recitation, and adab (etiquette) are integrated to establish a spiritually aligned therapeutic alliance. Adopting a qualitative multiple-case study design, data were collected via semi-structured interviews with 19 certified GBKs selected through purposive sampling. Thematic analysis was conducted using NVivo 12 software. The findings revealed three dominant themes: (1) intention-setting anchored in divine pleasure (*riḍā Allāh*), (2) spiritual initiation through *dhikr* and *du‘ā’*, and (3) transmission of Islamic etiquette as the foundation of therapeutic interaction. These elements reflect a spiritually embedded counselling model that redefines rapport not merely as a psychological construct but as a sacred relational space. The study articulates a conceptual framework rooted in al-Ghazālī’s theory of *tazkiyah al-nafs* (soul purification), emphasizing the initial stage as a domain of inner alignment, ethical presence, and God-conscious engagement between counsellor and client. This research contributes original insight by delineating a contextually grounded and epistemologically authentic structure of initial-stage practice in Islamic counselling. It further recommends the development of professional training modules for school counsellors based on Islamic epistemology, ensuring that spiritual values are systematically incorporated into early-session interventions. The implications extend beyond technical adaptation towards constructing a spiritually coherent model of psychosocial support rooted in *tawḥīd* and divine-centered healing.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan membina kerangka konseptual awal yang sahih dan kontekstual tentang pembinaan *rapport* dalam sesi kaunseling berasaskan konsep *tazkiyah al-nafs*, serta memperincikan amalan spiritual awal seperti niat, zikir, doa dan adab sebagai prasyarat hubungan terapeutik Islami.

## 1. Pengenalan

Dominasi teori kaunseling Barat telah menimbulkan persoalan terhadap kesesuaiannya apabila diterapkan kepada klien Muslim di Malaysia. Beberapa kajian empirikal membuktikan bahawa model sekular seperti terapi kognitif tingkah laku dan pendekatan humanistik sering kali gagal mengintegrasikan dimensi spiritual yang penting dalam kerangka hidup Muslim (Tanhan & Young, 2022; Hunt, 2022). Kekosongan ini didapati menjejaskan kesan terapeutik dalam kalangan masyarakat Islam, terutamanya apabila keperluan eksistensial dan nilai-nilai agama tidak diberi tempat dalam sesi intervensi (Perron et al., 2023; Saherwala et al., 2021).

Masalah ini menjadi lebih ketara apabila pendekatan universal Barat yang berasaskan nilai individualistik tidak seiring dengan kerangka budaya Islam yang menekankan kesalinghubungan sosial, adab, dan kebergantungan kepada Tuhan (Hammad et al., 2020). Dalam masyarakat Muslim, nilai komuniti, kesantunan interaksi dan pandangan hidup berteraskan tauhid membentuk asas kepada kesejahteraan psikososial. Apabila nilai-nilai ini diabaikan dalam sesi terapi, ia boleh menimbulkan rasa keterasingan, ketegangan identiti dan keraguan terhadap proses bimbingan (Tanhan & Young, 2022). Oleh itu, keperluan terhadap pendekatan kaunseling yang sejajar dengan sistem nilai Islam menjadi semakin mendesak.

Menurut Egan (2014), kaunseling merupakan suatu proses yang berperingkat, bermula dengan pembinaan hubungan atau rapport antara kaunselor dan klien sebagai asas kepada intervensi yang berkesan. Fasa awal ini menjadi titik tolak kepada dinamika terapeutik, justeru memerlukan pendekatan yang bukan sahaja teknikal tetapi juga selaras dengan sistem nilai klien (Egan, 2014). Dalam pendekatan Barat, pelbagai teknik telah digariskan bagi menjayakan tahap ini, seperti penggunaan empati reflektif, kehadiran aktif, dan penyesuaian bahasa tubuh (Egan, 2014). Namun, apabila teknik-teknik ini diterapkan secara langsung dalam konteks klien Muslim tanpa penyesuaian nilai, ia berpotensi mencetuskan ketidakselesaan dan menjauhkan diri klien daripada proses terapi (Tanhan & Young, 2022).

Kritikan terhadap dominasi teori Barat dalam fasa awal sesi kaunseling sememangnya berasas, khususnya apabila pendekatan tersebut gagal menangkap dimensi spiritual dan realiti budaya klien Muslim. Hal ini menjadi lebih signifikan dalam konteks Malaysia, di mana pelajar Muslim membentuk majoriti populasi sekolah dan Islam bukan sahaja dianuti, malah membentuk nilai budaya, sosial dan pendidikan arus perdana. Justeru, keperluan kepada satu pendekatan alternatif yang berpaksikan epistemologi Islam menjadi amat mendesak. Tradisi Islam yang menekankan adab al-ta'āmul, pembinaan niat yang lurus, serta penyucian hati (tazkiyat al-nafs) menawarkan asas kukuh dalam membina hubungan terapeutik yang bukan sekadar teknikal, tetapi juga transenden (Al-Ghazālī, 1998). Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada bagaimana strategi permulaan sesi kaunseling berteraskan nilai Islam dilaksanakan oleh kaunselor sekolah dalam memenuhi keperluan spiritual, psikososial dan budaya pelajar Muslim di Malaysia. Penegasan Perlembagaan Persekutuan bahawa Islam ialah agama bagi negara serta prinsip Rukun Negara yang meletakkan "Kepercayaan kepada Tuhan" sebagai asas pembentukan sahsiah warganegara, turut mengabsahkan keperluan pendekatan ini dalam sistem pendidikan nasional.

## 1.1. Permasalahan Kajian

Walaupun kesedaran terhadap pentingnya integrasi nilai spiritual dalam kaunseling semakin meningkat, pelaksanaan elemen tersebut dalam fasa permulaan sesi masih kurang diberikan perhatian secara sistematik. Kajian oleh [Yusni et al. \(2023\)](#) menunjukkan bahawa 84.4% kaunselor mengakui penggunaan elemen spiritual dalam sesi, namun hanya 15.5% yang mengaplikasikannya dalam fasa awal, berbanding 86.2% dalam fasa intervensi dan tindakan. Jurang ini menandakan berlakunya pengabaian terhadap pembinaan hubungan rohani yang autentik pada peringkat permulaan sesi. Tambahan pula, pendekatan Barat yang dominan seperti terapi kognitif dan humanistik sering gagal menangkap kerangka nilai Islam, menyebabkan klien Muslim mengalami konflik identiti dan keterasingan dalam proses kaunseling ([Tanhan & Young, 2022](#); [Saherwala et al., 2021](#)). Hal ini menunjukkan bahawa keperluan spiritual dan konteks budaya Islam belum ditangani dengan berkesan dalam fasa pembentukan rapport, yang seharusnya menjadi asas terapeutik paling penting ([Egan, 2014](#)).

Lebih signifikan, tiada model amali yang tuntas telah dibangunkan untuk memandu guru bimbingan dan kaunseling (GBK) dalam menerapkan prinsip *tazkiyah al-nafs* secara holistik dalam permulaan sesi kaunseling. Kajian terdahulu seperti [Roslina dan Siti Fatimah \(2021\)](#) hanya menekankan penggunaan doa dan zikir sebagai intervensi umum tanpa menghubungkannya secara langsung dengan struktur pembinaan hubungan awal. Sementara itu, [Norazlina dan Noor Shakirah \(2016\)](#) memperlihatkan bahawa unsur seperti salam dan bacaan al-Fātiḥah hanya dikaji pada tahap simbolik, bukan sebagai komponen berpadu dalam strategi psikospiritual. Sedangkan dalam wacana klasik Islam, [al-Ghazālī \(1998\)](#), telah menegaskan bahawa niat ikhlas, adab interaksi, dan kehadiran hati (*ḥudūr*) merupakan asas kepada keberkatan proses bimbingan ([Al-Ghazālī, 1998](#)). Ketiadaan kajian empirikal yang menghubungkan kerangka [al-Ghazālī \(1998\)](#), dengan amalan sebenar GBK menunjukkan satu kelompangan kritikal dalam pembangunan amalan kaunseling Islam di sekolah. Justeru, penyelidikan ini penting untuk memperincikan secara induktif bagaimana elemen *tazkiyah al-nafs* dimanifestasikan dalam fasa permulaan sesi, selari dengan realiti pendidikan menengah Malaysia.

## 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam amalan permulaan sesi kaunseling berasaskan pendekatan Islam yang dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah menengah, dengan memberi fokus khusus kepada bagaimana elemen-elemen utama seperti penetapan niat, doa, zikir, bacaan surah al-Fātiḥah, serta pendidikan adab diaplikasikan sebagai asas pembinaan rapport. Penyelidikan ini juga berhasrat memahami bagaimana kesemua elemen tersebut disusun secara psikospiritual berdasarkan kerangka *tazkiyah al-nafs* sebagaimana dihuraikan oleh [al-Ghazālī \(1998\)](#), serta sejauh mana pendekatan ini diaplikasikan secara sah, kontekstual dan konsisten dalam persekitaran pendidikan Islam kontemporari. Di samping itu, objektif kajian ini turut merangkumi usaha membina asas awal ke arah penggubalan satu kerangka konseptual amali bagi memandu pembangunan modul latihan profesional kaunselor sekolah Muslim dalam mengurus fasa permulaan sesi kaunseling secara berlandaskan nilai dan etika Islam.

## 2. Sorotan Literatur

[Egan \(2014\)](#) menegaskan bahawa fasa permulaan sesi kaunseling adalah kritikal kerana ia membina asas kepercayaan dan kesediaan klien untuk berinteraksi secara terbuka. Tanpa rapport yang kukuh, sebarang intervensi berikutnya berisiko gagal mencapai kesan terapeutik ([Egan, 2014](#)). Fasa ini bukan sekadar prosedur teknikal, tetapi ruang pembinaan hubungan yang menentukan keseluruhan dinamika sesi. Selain [Egan \(2014\)](#), kepentingan fasa permulaan dalam sesi kaunseling turut ditekankan oleh beberapa tokoh utama dalam bidang psikologi dan kaunseling. [Rogers \(1957\)](#), menegaskan bahawa perubahan terapeutik hanya berlaku apabila hubungan berdasarkan empati, keaslian dan penerimaan tanpa syarat terjalin kukuh antara kaunselor dan klien. [Hackney dan Cormier \(2005\)](#), pula menjadikan pembinaan hubungan sebagai fasa pertama dalam model kaunseling mereka, dengan menekankan keperluan mewujudkan asas saling percaya sebelum intervensi boleh dilakukan secara berkesan. [Miller dan Rollnick \(2023\)](#), melalui pendekatan Motivational Interviewing, menggariskan bahawa hubungan terapeutik yang menghormati autonomi klien adalah syarat utama sebelum sebarang perubahan boleh dicapai. [Griffin \(2006\)](#) turut menyatakan bahawa kesediaan klien untuk berubah banyak bergantung pada kekuatan hubungan awal dengan kaunselor. Malah, model komunikasi klinikal seperti Calgary–Cambridge yang dibangunkan oleh [Silverman, Kurtz, dan Draper \(2013\)](#) juga memulakan sesi dengan strategi membina rapport sebagai prasyarat keberkesanan sesi ([Silverman et al., 2013](#)). Kesemua pandangan ini mengukuhkan hakikat bahawa fasa permulaan bukan sekadar langkah prosedural, tetapi merupakan asas psikodinamik yang menentukan hala tuju dan keberhasilan keseluruhan proses kaunseling.

Daripada perspektif Islam, permulaan sesi kaunseling tidak hanya tertumpu kepada pembinaan hubungan interpersonal. Bahkan ia juga melibatkan dimensi rohaniah yang mendalam. Tambahan pula, [Vieten et al. \(2013\)](#) menegaskan bahawa fasa awal perlu melibatkan penilaian terhadap latar belakang spiritual klien dan penggunaan sumber rohani secara aktif sebagai sebahagian daripada kompetensi asas kaunselor. Kajian oleh [Saged et al. \(2022\)](#) menunjukkan bahawa amalan istighfar semasa fasa awal sesi kaunseling dapat mengaktifkan korteks prefrontal, kawasan otak yang berkaitan dengan pengawalan emosi dan fokus, sekali gus menyokong keberkesanan pendekatan spiritual dalam mengurangkan kebimbangan klien. [Nur Husna et al. \(2023\)](#), pula menunjukkan bahawa kaunselor Muslim di Malaysia kerap mengamalkan doa dan solat secara peribadi sebagai cara menangani tekanan emosi, khususnya ketika berdepan kes-kes kritikal. Amalan ini bukan sahaja memberi ketenangan dalaman, malah menjadi persediaan spiritual awal yang membantu membina kekuatan jiwa dan kesediaan rohani sebelum memulakan sesi kaunseling. Kajian oleh [Roslina dan Siti Fatimah \(2021\)](#) telah membangunkan modul doa-zikir untuk kaunselor sekolah, namun keberkesanan modul tersebut dalam fasa awal sesi belum diuji secara longitudinal dan masih kekurangan fokus terhadap pembangunan rapport secara eksplisit.

Secara konseptual, kajian oleh [Norazlina dan Noor Shakirah \(2016\)](#), menunjukkan bahawa amalan pembukaan sesi seperti salam, bacaan al-Fatihah, dan niat bukan hanya simbolik, malah dilihat sebagai asas rapport Islami yang membina keselarasan antara dimensi psikologi dan kebergantungan rohani kepada Allah. Keseluruhan ini selari dengan pandangan [al-Ghazālī \(1998\)](#), yang menganggap peringkat awal sesi sebagai ruang ta'aruf, ikhlas, dan penyesuaian batin dan ianya penting bagi membuka jalan kepada tazkiyah dan perubahan tingkah laku ([Al-Ghazālī, 1998](#)).

Al-Ghazālī (1998), menekankan pentingnya fasa permulaan dalam bimbingan rohani, meskipun tanpa menggunakan istilah permulaan sesi secara literal. Beliau menegaskan bahawa proses perubahan jiwa harus dimulakan dengan niat ikhlas, pembinaan hubungan berasaskan tawadhu' (kerendahan hati), ta'ālīm adab (pengajaran adab), dan mahabbah fillāh (cinta kerana Allah) antara murshid (pembimbing) dan murīd (pelajar/klien). Konsep ta'āruf (saling mengenal) dan ikhlās (keikhlasan) menjadi prasyarat interaksi, kerana jiwa yang belum disucikan (nafs al-ammārah) tidak mampu menerima kebenaran (Al-Ghazālī, 1998). Al-Ghazālī (1998), menuntut pembentukan ikatan hati melalui ma'rifah nafs (pengetahuan tentang jiwa), termasuk pemahaman struktur jiwa (al-nafs, al-qalb, al-'aql, al-ruh) untuk menembusi hijāb (tabir hati) yang menghalang transformasi (Al-Ghazālī, 1998). Beliau juga menekankan tazkiyat al-murshid (penyucian diri pembimbing) sebagai syarat utama, kerana hanya hati yang bersih (qalb salīm) mampu memancarkan hidayah (Al-Ghazālī, 1964), suatu konsep yang selari dengan self of the therapist dalam psikoterapi moden. Proses ini dimulakan dengan kehadiran rohani (qhudhur qalbī), zikir, dan adab, bukan sekadar teknik kaunseling, sebagai medium pembukaan hati yang memerlukan maqām (kedudukan rohani) tertentu pada pembimbing (Al-Ghazālī, 1998). Dengan ini, "rapport" dalam kerangka al-Ghazālī (1998), bersifat transenden yang mengaktifkan fitrah klien melalui kehadiran rasa ingat kepada Ilahi (al-hadrah al-ilāhiyyah), bukan sekadar komunikasi interpersonal (Al-Ghazālī, 1998).

Kesemua dapatan ini menegaskan bahawa permulaan sesi dalam kerangka Islam bukan sahaja menyentuh dimensi psikologi, tetapi lebih utama, mencipta ruang sakral yang menghubungkan klien dengan fitrah dan ketundukan kepada Ilahi sebagai asas perubahan yang autentik. Namun, kajian oleh Yusni et al. (2023) yang melibatkan 132 kaunselor sekolah mendapati bahawa walaupun 84.4% menggunakan elemen spiritual dalam sesi kaunseling, pelaksanaannya paling banyak tertumpu kepada fasa intervensi dan tindakan (86.2%) berbanding hanya 15.5% dalam fasa awal pembinaan hubungan, menunjukkan jurang aplikasi dalam konteks permulaan sesi.

Secara keseluruhan, sorotan ini menunjukkan bahawa meskipun nilai spiritual semakin diterima dalam amalan kaunseling sekolah, tiada kajian yang benar-benar meneliti secara menyeluruh bagaimana strategi permulaan berasaskan Islam diaplikasikan secara sah dan kontekstual oleh kaunselor Muslim di sekolah. Kajian ini justeru mengambil pendekatan eksploratori untuk meneliti amalan sebenar strategi permulaan – seperti penetapan niat, adab pembukaan, zikir dan doa – sebagai asas hubungan terapeutik yang berpaksikan kerangka tazkiyah al-nafs dalam konteks pendidikan menengah di Malaysia

### 3. Metod Kajian

Kajian ini dilaksanakan menerusi pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai, yang turut merangkumi pelbagai lokasi lapangan sebagaimana dicadangkan oleh Saunders et al. (2023) dan Yin (2018). Dari sudut falsafah penyelidikan, kerangka konstruktivisme-interpretivisme menjadi asas, dengan pendekatan induktif diterapkan bagi membina pemahaman terhadap fenomena yang dikaji (Cresswell, 2014; Nik Azis, 2014). Kajian ini melibatkan seramai 19 orang Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dari 19 buah sekolah menengah di lapan negeri di Malaysia, yang dipilih secara persampelan bertujuan. Proses pemilihan dimulakan dengan edaran soal selidik saringan awal kepada sejumlah GBK bagi mengenal pasti keterlibatan mereka dalam pendekatan kaunseling Islam. Hanya peserta yang

memenuhi kriteria seperti kesediaan untuk ditemu bual, kelayakan profesional dalam bidang kaunseling, dan penglibatan aktif dalam amalan kaunseling Islam dipilih bagi sesi temu bual lanjutan. Justifikasi pemilihan lokasi adalah berdasarkan prinsip persampelan bertujuan dengan menumpukan kepada tempat sebenar peserta menjalankan amalan kaunseling mereka. Pemilihan lokasi-lokasi ini adalah disengajakan bagi memastikan data yang dikumpul bersifat autentik, kontekstual dan relevan secara langsung dengan medan amalan sebenar. Menjalankan temu bual di tempat sebenar peserta kajian bertugas memberi kelebihan besar kepada kualiti data. [Elwood dan Martin \(2000\)](#), menegaskan bahawa lokasi bukan sekadar ruang fizikal, tetapi turut membentuk cara peserta menjawab dan bagaimana penyelidik mentafsir maklumat. Kehadiran penyelidik di ruang kerja sebenar menjadikan data yang diperoleh lebih sahih dan kontekstual.

Pemilihan lokasi seperti ini juga memperkukuh kesesuaian konteks, ketepatan maklumat, dan kebolehpindahan dapatan. Seperti yang dihuraikan oleh [Merriam dan Tisdell \(2016\)](#), lokasi dalam kajian kualitatif bukan sekadar latar belakang, tetapi medan sosial yang membentuk makna dan pengalaman peserta. Maka, pemilihan lokasi berdasarkan tapak sebenar amalan kaunseling adalah strategi yang selari dengan reka bentuk kajian dan penting untuk menghasilkan interpretasi yang tepat dan mendalam data adalah melalui temu bual separa berstruktur.

Temu bual dijalankan secara bersemuka dan individu di lokasi kerja sebenar peserta, iaitu bilik kaunseling sekolah masing-masing. Setiap sesi temu bual dirakam dalam bentuk audio selepas mendapat keizinan peserta, dan kemudiannya ditranskrip secara verbatim untuk tujuan analisis. Rakaman dan transkripsi ini menjadi asas kepada analisis tematik, yang dijalankan dengan bantuan perisian NVivo12, bagi menjamin ketelitian dan keterkaitan antara data dan tema yang terhasil. Kajian ini turut memperoleh kebenaran rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat kelulusan bertariikh 17 Mei 2018 (KPM.600-3/2/3-eras(4204)), dan semua peserta memberikan persetujuan bertulis sebelum sesi dijalankan.

Bagi tujuan analisis, penyelidik menggunakan kerangka analisis data kualitatif seperti yang digariskan oleh [Cresswell \(2014\)](#), merangkumi enam peringkat yang sistematik: pertama, penyusunan serta penyediaan data untuk dianalisis; kedua, pembacaan dan penelusuran menyeluruh terhadap keseluruhan data; ketiga, pelaksanaan pengekodan awal; keempat, pembangunan perihalan latar atau kategori yang membentuk tema-tema analisis; kelima, pemaparan tema dalam bentuk naratif kualitatif; dan keenam, interpretasi makna serta rumusan pengajaran yang diperoleh daripada data. Sepanjang proses ini, perisian NVivo 12 digunakan untuk menyokong kerja-kerja pengekodan dan pengurusan data secara sistematik ([Yin, 2018](#)). Sebagai langkah memastikan ketekalan dapatan, semakan ahli turut dilaksanakan bagi memperkukuh kredibiliti dan kebolehpercayaan data seperti yang disarankan oleh [Merriam dan Tisdell \(2016\)](#).

#### 4. Hasil Kajian

Berdasarkan proses pengekodan tematik melalui analisis data temu bual, tiga tema utama telah dikenal pasti bagi menggambarkan pelaksanaan fasa permulaan dalam sesi kaunseling berasaskan pendekatan Islam. Setiap tema terbina melalui berberapa kategori yang disokong oleh kod-kod data hasil maklum balas peserta kajian (PK). Tema-tema ini ialah: (1) Penetapan niat dan matlamat; (2) Pembukaan rohani dengan zikir dan doa; dan (3) Pendidikan adab sebagai teras Interaksi. Penstrukturan ini

mencerminkan pendekatan psikospiritual Islam yang menyepadukan dimensi dalaman (intensi dan adab) dengan ekspresi ritual dan komunikasi awal dalam sesi.

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa fasa permulaan sesi kaunseling Islam tidak dimulai dengan prosedur teknikal, sebaliknya dibingkai oleh suatu disiplin batiniah yang mendalam, iaitu penetapan niat yang ikhlas dan matlamat yang berpaksikan reda Allah. Tema pertama ini terbina daripada tiga kategori penting, iaitu niat kerana Allah, matlamat yang meliputi keseimbangan duniawi dan ukhrawi, serta pembentukan matlamat secara bersama antara kaunselor dan klien. Struktur tematik ini berpaksikan kepada pandangan bahawa interaksi terapeutik yang tidak dibina atas asas tauhid akan kehilangan arah transendennya, justeru menjadikan proses bimbingan sebagai satu intervensi yang tidak menembusi makna terdalam jiwa manusia.

Antara manifestasi jelas dalam dapatan ialah kenyataan peserta kajian 02 (PK02) yang menyebut, "*paling asas paling tidak sebelum sesi tu, sebagai kaunselor saya betulkan niat dulu,*" satu penegasan bahawa kaunseling tidak bermula di mulut atau mata, tetapi di dalam lubuk hati yang disandarkan kepada keikhlasan. Ini diperkuatkan oleh pernyataan PK08 yang menolak sebarang niat bersifat keduniaan dengan menyatakan bahawa "*kita buat lebih kepada... kerana Allah Taala*". Malah, PK15 memperlihatkan keterlibatan aktif klien dalam menyatakan niat, melalui bimbingan pembacaan surah al-Fatihah dan seruan untuk memperbaiki hubungan dengan Tuhan. Justeru, niat dalam konteks ini tidak lagi bersifat peribadi kaunselor semata, tetapi menjadi wahana penyelarasan spiritual dua jiwa yang saling berinteraksi dalam ruang amanah ilahi.

Penetapan matlamat pula dirangka secara reflektif dengan menyepadukan dimensi psikososial dan ukhrawi. PK03 menzahirkan perbandingan kritikal antara kaunseling Barat yang menurut beliau hanya "*untuk duniawi*" dengan pendekatan Islam yang "*memfokuskan kepada dunia dan ukhrawi*". PK05 pula membawa klien menyusun matlamat pasca penegasan identiti ketuhanan, manakala PK17 dan PK14 secara konsisten menyatakan bahawa matlamat akhir ialah mardātillāh. Ini bertepatan dengan gagasan al-Ghazālī (1998), dalam *Ihyā'* yang menekankan konsep *musyaratah* sebagai syarat batin sebelum seseorang melibatkan diri dalam amal, termasuk dalam urusan membimbing jiwa manusia (Al-Ghazālī, 1998). Maka, dalam kerangka ini, fasa awal bukan sahaja memperkenalkan sesi, tetapi mengikat keseluruhan perjalanan intervensi dalam orbit *tazkiyah* yang menjadikan kesedaran Ilahi sebagai pusat orientasi psikospiritual.

Dalam menelusuri dapatan kajian ini, fasa permulaan sesi kaunseling turut dikenalpasti sarat dengan elemen ritual dan simbolisme spiritual yang berakar dalam tradisi Islam. Tema kedua ini lahir daripada tiga kategori utama iaitu amalan bacaan basmalah, bacaan surah al-Fatihah dan pembacaan doa pembuka sebagai usaha menyatukan ketenangan emosi dan kesediaan spiritual klien. Daripada segi epistemologi, zikir dan doa bukan sahaja dianggap sebagai hiasan ritual atau pembuka formaliti, tetapi merupakan instrumen aktif yang membuka pintu ketenangan, menyambung dimensi jasmani dengan *al-ṭumaknīnah al-qalbiyyah* dan merintis jalan masuk ke dalam wilayah kerohanian kaunseling.

Petikan data daripada peserta seperti PK01 yang menyebut, "*Assalamualaikum, bismillah tu nilah*", dan PK04 yang memulakan sesi dengan ajakan kepada klien agar "*baca Bismillah*", memberi indikasi bahawa pembukaan secara rohani sudah menjadi kebiasaan praktikal dalam pendekatan ini. Lebih mendalam, PK13 memperluaskan

amalan tersebut dengan membacakan surah al-Fatihah dan mengaitkannya dengan hadiah pahala kepada Rasulullah SAW, diri sendiri dan klien, menunjukkan bahawa fasa ini bukan hanya simbolik tetapi menandakan ruang ibadah bersama. Doa pula dinilai oleh PK09 sebagai “*kata-kata positif*” yang membentuk mood awal sesi, manakala PK18 menyatakan secara jelas bahawa sesi dimulakan dengan berdoa bersama untuk memohon keberkatan dan pertolongan daripada Allah SWT.

Dalam kerangka analisis konseptual, amalan ini menghidupkan semula peranan zikir sebagai mekanisme pelarasan rohani yang disebut oleh al-Ghazālī (1998) sebagai “kunci pembukaan”. Sepertimana yang dibuktikan dalam intervensi RSAFI (*Remembrance and seeking Allah's forgiveness intervention*) oleh Saged et al. (2022), zikir dan istighfar memberi kesan signifikan terhadap penurunan tekanan dan pencapaian keseimbangan emosi. Hal ini diperkuatkan oleh Roslina dan Siti Fatimah (2021) yang membangunkan ontologi doa sebagai struktur tetap dalam amalan kaunseling Islam kontemporari. Maka, bacaan zikir dan doa tidak boleh ditanggapi secara superficial. Ia adalah wahana pengaktifan rohani yang membina suasana sakral, membuka getaran hati klien kepada redha dan pengharapan, serta menanamkan bahawa sesi kaunseling adalah sebahagian dari ibadah yang memerlukan adab, kekhushyukan dan kesediaan spiritual yang penuh.

Di sebalik ritual dan niat yang membina struktur dalaman sesi, dapatan turut memperlihatkan bahawa pengajaran adab menjadi salah satu amalan utama yang ditanam sejak fasa permulaan. Tema ketiga ini terbina daripada tiga dimensi penting iaitu bimbingan adab fizikal dan pertuturan, penghindaran komunikasi kasar serta peranan kaunselor sebagai teladan akhlak. Tidak seperti pendekatan Barat yang menumpukan kepada ekspresi diri dan pelampiasan emosi, kaunseling Islam menekankan tertib sebagai asas penyucian hubungan insani. Maka, adab bukan sahaja menjadi etika profesional, tetapi turut berfungsi sebagai komponen utama dalam sistem penyembuhan jiwa.

PK03 menyatakan bahawa fasa awal sesi melibatkan bimbingan “*dari segi adab*”, manakala PK05 pula memberi penekanan kepada “*cara duduk, cara bercakap*” sebagai refleksi nilai Islam dalam komunikasi terapeutik. PK18 menzahirkan sensitiviti terhadap bahasa apabila menyatakan keperluan mengelak daripada menggunakan “*perkataan kasar*”, satu pendekatan yang berbeza dengan sesetengah teknik konfrontasi dalam terapi Barat. PK19 pula menyebut secara tegas bahawa “*adab lebih utama daripada ilmu*”, menunjukkan bahawa kompetensi kaunselor tidak cukup hanya diukur melalui kefasihan teori, tetapi pada kekuatan sahsiah dan keikhlasan akhlak yang terserlah sejak sesi bermula.

Pemerhatian ini selaras dengan pandangan al-Ghazālī (1998), dalam *Ihyā'* yang menekankan bahawa *adab al-zāhir* merupakan pintu masuk kepada penyucian batin (*al-bātin*) (Al-Ghazālī, 1998). Dalam konteks kaunseling, adab membentuk suasana selamat, membina kepercayaan dan membuka ruang bagi *al-insāf*, yakni keterbukaan jiwa klien terhadap proses perubahan. Kajian Nur Husna et al. (2023) menunjukkan bahawa penghayatan adab oleh kaunselor menyumbang kepada peningkatan *inner strength* dan kredibiliti profesional. Maka, fasa permulaan dengan penekanan kepada adab bukan hanya mencerminkan kesantunan budaya, tetapi merupakan satu strategi pedagogi nilai yang mengakar dalam tradisi Islam. Ia juga merupakan suatu bentuk terapi akhlak yang menyepadukan kebijaksanaan warisan rohani ke dalam praktik kaunseling moden yang lebih lestari.

Daripada dapatan kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa pendekatan permulaan sesi kaunseling, menampilkan suatu susun atur yang bukan sahaja ritualistik tetapi sarat dengan makna falsafah yang mendalam. Antara elemen yang dikenalpasti ialah amalan memberi salam, pembacaan doa dan zikir, serta bacaan surah al-Fatihah. Di samping itu, para kaunselor menetapkan niat dengan ikhlas untuk membantu kerana Allah serta membina matlamat sesi secara terarah bersama klien. Penegasan terhadap adab pertemuan dan kebergantungan mutlak kepada Allah SWT dalam mencari penyelesaian turut menjadi ciri penting pendekatan ini. Walaupun tampak bersifat rutin luaran, pendekatan ini sebenarnya mencerminkan suatu sistem penyucian jiwa yang terasnya bersumber daripada kerangka *tazkiyah al-nafs*.

Dari sudut sorotan klasik, pendekatan al-Muḥāsibī menerusi *al-Ri'āyah li Huqūqillāh* memberikan asas yang penting dalam memahami kedudukan niat dan muḥāsabah sebagai permulaan kepada segala bentuk Tindakan (Al-Muhasibi, 2009). Bagi beliau, niat ialah pantulan keadaan batin dan merupakan indikator keabsahan sesuatu amal. Ia bukan sekadar ucapan, tetapi manifestasi kesedaran rohani yang mencorakkan keseluruhan amal zahir (Al-Muhasibi, 2009). Pemikiran ini kemudian dikembangkan oleh al-Qushayrī dalam *al-Risālah al-Qushayriyyah*, yang menekankan *maqām* taubat serta adab *sulūk* sebagai asas kepada hubungan antara murid dan murshid, yang mana hubungan yang secara fungsional boleh dibandingkan dengan relasi kaunselor-klien pada hari ini (Al-Qushayri, 1989). Pendekatan mereka menonjolkan aspek penyucian awal dan keikhlasan sebagai syarat sah interaksi bimbingan.

Namun, kekuatan yang paling menonjol dalam pendekatan permulaan kaunseling Islam terletak pada sistematiknya pendekatan al-Ghazālī (1998), yang menyusun keseluruhan struktur penyembuhan jiwa secara hierarkikal dan integratif. Dalam *Ihya' Ulūm al-Dīn*, al-Ghazālī (1998) menetapkan bahawa setiap proses bimbingan mestilah bermula dengan *takhallī* (pengosongan diri daripada sifat mazmumah dan niat buruk), disusuli *tahallī* (pengisian dengan akhlak mahmudah), dan akhirnya *tajallī* (penyingkapan cahaya Ilahi ke dalam hati). Proses ini bukan semata-mata rangka teori, tetapi satu sistem terapi spiritual yang menuntut keaktifan rohani, bukan sekadar pengulangan ritual.

Hal ini ditegaskan kembali dalam *Minhāj al-'Ābidīn*, apabila al-Ghazālī (2006), memperincikan halangan-halangan dan solusi dalam jalan bimbingan jiwa. Langkah awal menurut beliau ialah menyedarkan manusia akan asal kejadiannya, hakikat dunia yang fana, dan keperluan untuk bertaubat sebelum langkah seterusnya diambil (Al-Ghazālī, 2006). Penetapan niat, menurutnya, adalah bentuk penyucian orientasi diri; suatu proses tauhidik yang tidak boleh diceraikan daripada bimbingan akal dan emosi. Apa yang beliau istilahkan sebagai *al-niyyah al-mukhlisah* (niat yang ikhlas) adalah niat yang dibina atas makrifat dan kesedaran, bukan sekadar ucapan lisan semata (Al-Ghazālī, 2006).

Selain itu, dalam perbincangan tentang adab interaksi dan adab belajar, al-Ghazālī (1998) meletakkan penekanan agar bimbingan tidak dimulakan dengan kata-kata yang keras atau penghukuman, tetapi dengan pendekatan yang menjinakkan hati seperti salam, senyuman, tutur kata lembut dan doa pembuka (Al-Ghazālī, 1998). Surah al-Fatihah menjadi simbol pembukaan spiritual kerana kandungannya sarat dengan intipati tauhid, harapan, pengakuan kelemahan dan doa untuk petunjuk (Al-Ghazālī, 1988). Justeru, bacaan al-Fatihah pada permulaan sesi bukanlah rutin semata, tetapi alat yang membuka dimensi kejiwaan klien terhadap bimbingan.

Lebih penting lagi, [al-Ghazālī \(2008\)](#), menekankan bahawa permulaan bimbingan bukanlah zon neutral. Sebaliknya, di sinilah titik penentu keberkatan keseluruhan proses ([Al-Ghazālī, 2008](#)). Sekiranya kaunselor memulakan sesi dengan riyak atau takabbur atas ilmunya sendiri, bimbingan itu boleh berubah menjadi tipu daya nafsu dan bukannya proses *ilahiyyah*. Beliau turut menegaskan bahawa walaupun bimbingan itu disaluti lafaz-lafaz al-Quran, jika niatnya tidak murni, ia hanya menjadi pembenaran kepada hawa nafsu dan syaitan ([Al-Ghazālī, 1998](#)). Justeru, beliau menggesa agar para mursyid (pembimbing/kaunselor) terlebih dahulu membersihkan hatinya melalui *mujāhadah*, sebelum layak membimbing orang lain.

Dengan menyusun pendekatan permulaan dalam kerangka transformasi rohani yang berpuncak kepada *ma`rifatullāh*, [al-Ghazālī \(1998\)](#), bukan sahaja menekankan disiplin struktur, tetapi mengaitkan fasa permulaan dengan tujuan akhir proses terapi. Dalam konteks pendekatan [al-Ghazālī \(1998\)](#), dapat difahami bahawa kaunseling bukan hanya alat penyelesaian krisis emosi, tetapi wahana pengembalian jiwa manusia kepada Allah SWT. Maka, kekuatan pendekatan permulaan tidak bergantung semata-mata kepada kemahiran teknikal, tetapi kepada kedalaman intensi dan ketundukan jiwa kaunselor dan klien kepada Tuhan. Oleh itu, pendekatan permulaan dalam kaunseling Islam seperti yang diperlihatkan dalam dapatan kajian ini sebenarnya mendokong gagasan besar [al-Ghazālī \(1998\)](#), dalam satu kerangka *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa) yang menyeluruh.

Sebagai implikasi daripada dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa proses permulaan sesi kaunseling Islam yang ideal perlu digerakkan dengan susunan tindakan yang jelas dan berpaksikan nilai. Antaranya termasuk memberi salam dengan penuh hormat, menetapkan niat ikhlas untuk mencari reda Allah, membina matlamat bersama klien yang menyeluruh merangkumi aspek dunia dan akhirat, serta memulakan sesi dengan bacaan zikir seperti basmalah, surah al-Fatihah dan doa-doa tertentu. Kaunselor juga dituntut menjaga adab sepanjang sesi, menjadi qudwah dalam percakapan dan perbuatan, dan menyampaikan kepada klien bahawa mereka hanyalah perantara; penyelesaian hakiki tetap daripada Allah SWT. Pengenalan kepada konsep-konsep asas Islam, seperti makna musibah dan hikmah di sebalik ujian, perlu dimasukkan mengikut tahap kefahaman klien. Semua tindakan ini adalah sebahagian daripada pengurusan fasa permulaan yang selari dengan kerangka epistemik Islam, menyatukan akal, hati dan jiwa dalam satu sistem bimbingan yang menyeluruh.

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa fasa permulaan kaunseling pendekatan Islam bukanlah ruang persediaan biasa, tetapi merupakan jendela perubahan rohani yang jika disusun dengan tepat menurut neraca tazkiyah, mampu mengarahkan seluruh proses kaunseling ke arah pembinaan insan yang lebih dekat dengan Tuhan dan lebih sedar akan peranannya di dunia yang bersifat sementara ini.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa fasa permulaan dalam sesi kaunseling pendekatan Islam berfungsi lebih daripada sekadar pembukaan prosedural. Ia merupakan ruang pembentukan asas tauhid, penyucian niat dan pemaknaan matlamat, yang kesemuanya menyumbang kepada orientasi psikospiritual klien. Amalan seperti doa, zikir, bacaan al-Fatihah serta peneguhan adab bukanlah unsur ritual semata, tetapi mencerminkan keutuhan model tazkiyah al-nafs yang berpaksikan kepada gagasan besar [al-Ghazālī \(1998\)](#). Dapatan ini memperkukuh hujah bahawa pendekatan kaunseling Islam

memerlukan kefahaman mendalam terhadap kerangka epistemologi dan ontologi Islam, agar ia tidak sekadar menjadi adaptasi luaran tetapi benar-benar terhubung dengan akar nilai Islam.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar elemen permulaan sesi kaunseling Islam dijadikan komponen alternatif dalam latihan profesional kaunselor Muslim khususnya GBK di sekolah. Modul latihan seharusnya merangkumi aspek pengurusan niat, adab *sulūk*, serta pengayaan rohani melalui pendekatan [al-Ghazālī \(1998\)](#). Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Kaunselor Malaysia disarankan merangka garis panduan amalan kaunseling Islam di sekolah yang lebih sistematik, agar elemen nilai dan spiritualiti tidak terus terpinggir atas nama neutraliti profesional.

Akhir sekali, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang boleh memperhalusi model permulaan sesi, khususnya melalui pendekatan tindakan (*action research*) bersama GBK di sekolah. Penyelidikan masa hadapan juga boleh mengkaji keberkesanan permulaan sesi yang berstruktur berasaskan *tazkiyah al-nafs* dalam meningkatkan keberfungsian emosi dan kerohanian klien secara longitudinal. Maka, dapatan ini bukan sahaja menambah pemahaman terhadap amalan sedia ada, tetapi mengorak langkah ke arah pembinaan kerangka amali kaunseling Islam yang sahih, lestari dan berakar dari warisan keilmuan Islam yang unggul.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Kajian ini mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM.600-3/2/3-eras(4204), serta kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pentadbir sekolah. Pengkaji memastikan kajian tidak mengganggu aktiviti sekolah dan semua peserta terlibat secara sukarela dengan persetujuan termaklum. Penerangan jelas diberikan, dan temu bual dijalankan pada masa yang dipersetujui tanpa tekanan, dalam suasana selesa dan beradab.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada sekolah dan para peserta yang terlibat dalam kaji selidik bagi menjayakan kajian ini

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak menerima sebarang geran atau tajaan penyelidikan

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tidak ada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini

### **Rujukan**

- Al-Ghazālī, M. (1964). *Mizan al-Ámal*. Dar al-Maárif.  
Al-Ghazālī, M. (1988). *Jawāhir al-Qur`ān*. Dar al-Afaq al-Jadidah.

- Al-Ghazālī, M. (1998). *Ihya' Ulum al-din*. Dar al-Hadith.
- Al-Ghazālī, M. (2006). *Minhaj al-'Abidīn ila Jannat Rabb al-'Alamin*. Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazālī, M. (2008). Bidayah al-Hidayah. In *Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali*. Dar al-Fikr.
- Al-Muhasibi, A.-H. (2009). *Al-Ri'ayah li Huquq Allah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qushayri, A. al-Q. (1989). *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Matabi'u Muassasah Dar al-Sha'ab.
- Cresswell, J. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc. <https://doi.org/10.2307/3152153>
- Egan, G. (2014). *The Skilled-Helper: A Problem-Management and opportunity-Development Approach to Helping* (10th ed.). Brooks/Cole Cengage learning. [https://nibmehub.com/opac-service/pdf/read/The Skilled Helper A Problem-Management and Opportunity - Gerard Egan.pdf](https://nibmehub.com/opac-service/pdf/read/The%20Skilled%20Helper%20A%20Problem-Management%20and%20Opportunity%20-%20Gerard%20Egan.pdf)
- Elwood, S. A., & Martin, D. G. (2000). "Placing" interviews: Location and scales of power in qualitative research. *The Professional Geographer*, 52(4), 649–657. <https://doi.org/10.1111/0033-0124.00253>
- Griffin, J. (2006). *Client-centered exercise prescription*. Human Kinetics.
- Hackney, H., & Cormier, S. (2005). *The professional counselor: A process guide to helping* (5th ed.). Pearson Merrill Prentice Hall.
- Hammad, J., El-Guenuni, A., Bouzir, I., & El-Guenuni, F. (2020). The hand of hope: A coproduced culturally appropriate therapeutic intervention for muslim communities affected by the grenfell tower fire. *Journal of Muslim Mental Health*, 14(2). <https://doi.org/10.3998/JMMH.10381607.0014.202>
- Hunt, J. (2022). Ignoring religion is a form of cultural imperialism. *Therapy Today*, 33(7), 35–36.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Miller, W. R., & Rollnick, S. (2023). *Motivational Interviewing: Helping People Change and Grow*. Gullford Press.
- Nik Azis, N. P. (2014). *Penghasilan Disertasi Berkualiti dalam Pendidikan Matematik*. Penerbit Universiti Malaya.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and Modules Applied in Islamic Counseling Practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520. <https://doi.org/10.1007/s10943-016-0246-3>
- Nur Husna, M. H., Mohd Zaliridzal, Z., Wan Mohd Fazrul Azdi, W. R., Nurhafizah, M. S., Marina Munira, A. M., & Muhammed Fauzi, O. (2023). The experience of spiritual self-care among Malaysian counsellors: An exploratory study. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 25(4), 1–23
- Perron, N. C. D., Lim, V. H., Isenman, L., & Yamoah, K. G. (2023). International Counseling Values: Recognizing Valued Approaches Identified by International Counseling Professionals Through Qualitative Inquiry. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 45(2), 330–355. <https://doi.org/10.1007/s10447-023-09505-4>
- Rogers, C. R. (1957). The necessary and sufficient conditions of therapeutic personality change. *Journal of Consulting Psychology*, 21(2), 95–103. <https://doi.org/10.1037/h0045357>
- Roslina, O., & Siti Fatimah, M. (2021). Ontological methodologies for counselling intervention: Do'a and Zikr Al-Mā'thur corpus. *Baghdad Science Journal*, 18(2), 856–870. [https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2\(Suppl.\).0856](https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2(Suppl.).0856)
- Saged, A. A. G., Che Zarrina, S., Mustaffa, A., Al-Rahmi, W. M., Ismail, W. M., Mohamed Ibrahim Adam, Z., & AlShehri, N. bint A. bin M. (2022). The Effect of an Islamic-

- Based Intervention on Depression and Anxiety in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 61(1), 79–92. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01484-3>
- Saherwala, Z., Bashir, S., & Gainer, D. (2021). Providing Culturally Competent Mental Health Care for Muslim Women. *Innovations in Clinical Neuroscience*, 18(4–6), 33–39.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2023). *Research Methods for Business Students* (9th ed.). Pearson Education Limited.
- Silverman, J., Kurtz, S., & Draper, J. (2013). *Skills for Communicating with Patients* (3rd ed.). Taylor & Francis Group. [https://doi.org/10.1016/s0031-9406\(05\)61259-x](https://doi.org/10.1016/s0031-9406(05)61259-x)
- Tanhan, A., & Young, J. S. (2022). Muslims and mental health services: A concept map and a theoretical framework. *Journal of Religion and Health*, 61(1), 843–867. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01324-4>
- Vieten, C., Scammell, S., Pilato, R., Ammondson, I., Pargament, K. I., & Lukoff, D. (2013). Spiritual and religious competencies for psychologists. *Psychology of Religion and Spirituality*, 5(3), 129–144. <https://doi.org/10.1037/a0032699>
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications
- Yusni, M. Y., Nur Diyanah, M. S., Wan Norhayati, W. O., & Zaida. Nor Zainudin. (2023). Spiritual Elements in Counseling Process: Counselors' Perspective. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(3). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i3/19329>